

# Muhasabah perbaiki diri

Setiap insan wajar nilai sahsiah untuk atasi kelemahan



→  
**NIK SALIDA SUHAILA**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Syariah dan  
Undang-Undang  
Universiti Sains  
Islam Malaysia

Setiap apa yang dilakukan di dunia ini perlu disempurnakan dengan penuh ikhlas dan demi mengharapkan keredaan Allah SWT, sebarang perbuatan haruslah bertunjukkan kebenaran.

Sekiranya kita melakukan kesilapan, yang terbaik ialah kembali kepada apa yang betul tanpa berkompromi. Sudah tentulah ada pelbagai cara untuk kita mengetahui sama ada apa yang dilakukan itu betul atau salah.

Contohnya, dalam organisasi ada sasaran kerja tahunan yang dirancang lebih awal dengan menggariskan matlamat yang ingin dicapai supaya tindakan dilakukan bertepatan misi, visi serta objektif organisasi.

Begitu jugalah dalam kehidupan seseorang Muslim. Cara paling utama untuk mengetahui sama ada setiap perbuatan kekal di atas landasan sepatutnya ialah dengan bermuhasabah.

## Timbang amalan sendiri

Umar al-Khattab berkata, "Hitunglah dirimu sebelum kamu dihitung, timbanglah amalanmu sendiri sebelum ia ditimbang untukmu, dan bersedialah untuk hari pembentangan amal yang besar, sesungguhnya hisab pada hari kiamat menjadi ringan bagi sesiapa yang melakukan muhasabah diri di dunia ini."

Muhasabah atau mengimbuai setiap perlakuan, berfikir serta menilai sama

ada ia benar atau salah amat penting kepada setiap umat Islam kerana dengannya kita berusaha meningkatkan keimanan serta nilai yang mulia dalam diri.

Jika kita mendapati diri melakukan sesuatu yang bersalahan dengan syariat, kita harus besejera menginsafi, tidak mengulangi serta bertaubat dan memohon keampunan.

Ya semudah kita menilai perkataan dituturkan dari pagi hingga ke malam atau setiap perbuatan dari waktu celik mata sebelum menunaikan solat Subuh sehingga saat bermuhasabah ketika hendak melelapkan mata.

Jika kita banyak melakukan perintah Allah SWT atau banyak melakukan perbuatan baik, bolehlah kita meneruskannya dengan harapan mendapat rahmat Allah SWT.

## Tidak ulangi kesilapan

Rasulullah SAW bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi daripada Syadad bin Aus: "Orang yang pintar ialah orang yang menghitung dirinya serta beramal untuk hari selepas kematian sementara orang yang lemah ialah orang yang mengikut hawa nafsu-Nya serta berangan-angan terhadap Allah dengan angan-angan (yang banyak)."

Setiap manusia melakukan kesilapan, sama ada berpunca daripada kelalaian atau kejahilan. Yang penting, menginsafi dan tidak mengulangnya lagi. Lebih daripada itu, kita perlulah sama-sama mengajak orang lain melakukan kebaikan dan menolak kemungkaran.

Firman Allah SWT: "Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi umat manusia, kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada yang mungkar, serta kamu pula beriman kepada Allah. Dan kalaulah Ahli Kitab itu beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka



Bermuhasabah dalam kumpulan usrah antara **cara memperbaiki kelemahan diri.**

[GAMBAR HIASAN]

orang yang fasik." (Surah Ali-Imran, ayat 110)

Paling sukar apabila kita tidak menyedari bahawa kitalah yang tersilap, sebaliknya menunding kesalahan kepada orang lain. Sampai bila pun masalah tidak akan selesai. Muhasabah penting sebagai agenda harian kerana ia sebahagian persediaan awal menghadapi hari perhitungan.

Mereka yang menjadikan muhasabah sebagai rutin sebelum melelapkan mata pada setiap malam sedikit sebanyak membantu mengurus diri dengan lebih baik. Mereka ini akan melakukan ketaatan dan tidak mempunyai masa untuk membuat kejahatan kerana akur pada hakikat pembalasan.

Mereka yakin bahawa manusia sentiasa dalam kerugian melainkan sesiapa yang berbuat kebaikan saja.

Allah SWT berfirman: "Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian kecuali orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesantapan dengan kebenaran serta berpesantapan dengan sabar." (Surah Al-Asr, ayat 1-3)

Orang yang tidak beriman tidak

bermuhasabah diri, sebaliknya hanya mementingkan penampilan di hadapan khalayak manusia.

Firman Allah SWT: "Mereka menyembunyikan (kejahatan mereka) daripada manusia, dalam pada itu mereka tidak menyembunyikan (kejahatan mereka) daripada Allah. Pada hal Allah ada bersamanya mereka, ketika mereka merancang pada malam hari, kata-kata yang tidak diredai oleh Allah. Dan (ingatlah) Allah sentiasa meliputi pengetahuan-Nya akan apa yang mereka lakukan." (Surah An-Nisa', ayat 108)

## Petanda syirik kecil

Inilah yang paling ditakuti, apabila manusia hanya mahu dilihat baik di hadapan manusia tetapi tidak di hadapan Allah SWT. Itu petanda bahawa syirik kecil sudah berleluasa kerana mereka mengharapkan sesuatu selain daripada reda Allah SWT.

Justeru, muhasabah adalah jalan terbaik untuk setiap insan Muslim menilai peribadi dan sahsiah diri supaya yang sesat cuba mencari jalan pulang dan yang terlajak kembali ke pangkal jalan.